

## PEMBAKAR JAMBATAN ANTARA DUA NEGARA: SENTIMEN ANTI-JEPUN DALAM FILEM KOREA SELATAN

*Asmadi Hassan,<sup>1</sup> Muhammad Muhsein Kamarudin<sup>2</sup>*

**Abstract:** A film usually contains certain ideology which is able to influence the audience. The ideology in the film is neatly structured in order to be accepted by society naturally. This article discusses an anti-Japanese sentiment in South Korea films which are perceived as an ideology that ultimately damaging the bilateral relations of both countries. Three films were selected to study the anti-Japanese sentiment in South Korea namely Spirit Homecoming, The Battleship Island and Anarchist from Colony. The selection of these films is based on the issues connected between the past and the current issues that have yet to be resolved. The first theme is the severe experience by the Comfort Women and the second is the poor treatment of Koreans who were taken/went to Japan during colonialism period. This study applies a qualitative approach which is the primary resources obtained from news reports and observation of films. While secondary resources are from journal articles and books. The study found that the films have been responsible for the spread of anti-Japanese ideology to South Korean society. As a result, it has influenced the people and consequently causing hatred among them. It then resulted to damaging the relations between the two countries which has already been tension by the colonialism and current issues. Eventually, the film which was supposed to be used as a platform for the good relations between the two countries became burner to those relations.

**Keywords:** anti-Japanese, colonialism, *Anarchist from Colony*, *The Battleship Island*, *Spirit Homecoming*

---

**Abstrak:** Sesebuah filem biasanya mengandungi ideologi tertentu yang mampu mempengaruhi penonton. Jalan cerita dalam filem disusun dengan rapi agar ideologi dapat diterima oleh masyarakat secara semula jadi. Artikel ini membincangkan sentimen anti-Jepun dalam filem Korea Selatan yang menyebarkan ideologi yang memburukkan Jepun yang akhirnya merosakkan hubungan dua hala kedua-dua negara. Tiga filem dipilih untuk mengkaji sentimen anti-Jepun di Korea Selatan ialah *Spirit Homecoming*, *The Battleship Island* dan *Anarchist from Colony*. Pemilihan filem-filem ini berdasarkan isu-isu pada masa lalu dan sekarang yang tidak dapat diselesaikan oleh kedua-dua negara tersebut. Isu tersebut adalah pengalaman perit yang dilalui oleh Wanita Selesa dan layanan buruk yang diterima oleh orang Korea yang dibawa/pergi ke Jepun pada zaman kolonialisme. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana sumber utama diperoleh dari laporan akhbar dan pemerhatian dari filem tersebut. Manakala

---

<sup>1</sup> First and corresponding author: Asmadi Hassan, Department of East Asian Studies, Universiti Malaya. Email: madisan@um.edu.my.

<sup>2</sup> Second Author: Muhammad Muhsein Kamarudin, Department of East Asian Studies, Universiti Malaya. Email: muhseinkamarudin@gmail.com.

sumber sekunder adalah dari artikel dan buku jurnal. Kajian ini mendapati bahawa filem anti-Jepun telah bertanggungjawab menyebarkan ideologi yang memburukkan Jepun kepada masyarakat Korea Selatan. Akibatnya, ia telah mempengaruhi masyarakat Korea Selatan untuk membenci Jepun. Ia seterusnya merosakkan hubungan antara kedua-dua negara yang telah sedia tegang berikutan isu kolonialisme dan isu-isu semasa yang lain. Akhirnya, filem yang sepatutnya digunakan sebagai landasan untuk hubungan baik antara dua negara menjadi pembakar jambatan dalam hubungan tersebut.

**Kata kunci:** anti-Jepun, kolonialisme, *Anarchist from Colony*, *The Battleship Island*, *Spirit Homecoming*

---

## PENGENALAN

Sabtu tahun filem-filem Korea Selatan mendapat sambutan hebat dari pelbagai pihak dalam dan luar negara. Contohnya pada tahun 2021, *Escape from Mogadishu*, filem aksi yang berlatar belakangkan peristiwa perang saudara di Somalia pada akhir tahun 1980-an hingga awal 1990-an memungut jualan tiket sebanyak US\$28,969,973. Ini sekaligus menjadikan filem tersebut sebagai paling tinggi dari segi penjualan tiket bagi tahun 2021. Manakala filem bertemakan bencana alam *Sinkhole* memungut US\$\$17,935,831 dan *Hostage: Missing Celebrity* US\$\$13,064,994 masing-masing menduduki tangga kedua dan ketiga (KOBIS System 2021). Di peringkat antarabangsa, filem Korea Selatan paling berjaya adalah *Parasite* yang diterbitkan pada tahun 2019 dan *Train to Busan* pada tahun 2016. Filem *Parasite* mendapat anugerah tertinggi pada tahun 2020, termasuk Lakon Layar Terbaik, Pengarah Terbaik dan Filem Terbaik di Anugerah Akademi Tahunan ke-92. Manakala dari segi jumlah pungutan keseluruhan pula, sebanyak US\$258,908,054 iaitu US\$53,369,749 hasil jualan tiket dalam negara dan US\$205,538,305 antarabangsa (*Parasite* 2021). *Train to Busan* memungut US\$92,764,199 keseluruhan dengan jualan dalam negara sebanyak US\$2,129,768 dan antarabangsa US\$90,634,431 (*Train to Busan* 2021). Sambutan hangat filem-filem ini di peringkat antarabangsa adalah seiring dengan kecenderungan sekarang yang memperlihatkan Gelombang Korea (*Korean Wave*) tersebar di seluruh dunia (Dani 2021).

Pada amnya filem menggambarkan kehidupan sosial sesuatu masyarakat (Norirwani 2019). Adalah sukar untuk membayangkan kehidupan tanpa filem kerana ia bukan sekadar sebagai hiburan tetapi juga boleh mempengaruhi emosi, minda dan bentuk kehidupan. Oleh itu media seperti filem boleh memberi impak yang besar kepada rakyat (Norirwani 2019). Dalam kajian ini, pengkaji berhujah bahawa hubungan antara negara boleh dianggap sebagai pembina jambatan atau sebaliknya sebagai pembakar hubungan sekiranya ia bersifat provokatif. Ini terutamanya filem-filem bertemakan periodikal yang menggambarkan peristiwa lampau yang boleh boleh mempengaruhi emosi, minda dan bentuk kehidupan. Korea Selatan banyak menerbitkan filem periodikal yang menggambarkan pengalaman pahit warganya yang menghadapi kolonialisme Jepun sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua. Filem-filem bersifat anti-Jepun bermula dari *Hurrah for Freedom* yang diterbitkan pada tahun 1946 dan banyak lagi sehingga kini. Antaranya adalah *King Gojong and Martyr An Jung-Geun* (1959), *Assasination* (2015), *The Age of Shadow* (2016), *Spirit Homecoming* (2016), *Dongju: The Portrait of a Poet* (2016), *Anarchist from Colony* (2017), *The Battleship Island* (2017), *A Resistance* (2019), *The Battle: Roar to Victory* (2019) dan sebagainya.

Artikel ini membincangkan sentimen anti-Jepun dalam filem-filem Korea Selatan yang dianggap sebagai membakar hubungan dua hala kedua-dua negara. Filem-filem menyebarkan ideologi anti-Jepun yang membangkitkan kebencian dalam kalangan penontonnya. Tiga filem yang dikaji untuk menunjukkan sentimen anti-Jepun di Korea Selatan adalah *Spirit*

*Homecoming*, *The Battleship Island* dan *Anarchist from Colony*. Pemilihan filem ini adalah berdasarkan tema yang mempunyai perkaitan antara peristiwa lampau yang berlaku dengan isu semasa yang belum dapat diselesaikan. Tema pertama adalah Wanita Selesa (*Comfort Women*) bagi filem *Spirit Homecoming* dan kedua, layanan buruk terhadap warga Korea yang dibawa/pergi ke Jepun bagi filem *The Battleship Island* dan *Anarchist from Colony*.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur berkaitan sentimen anti-Jepun dalam filem Korea Selatan boleh dibahagikan kepada dua tema, iaitu filem sebagai penyebar ideologi atau propaganda dan berkaitan sentimen anti-Jepun.

Pertama, filem sebagai penyebar ideologi atau propaganda, Mohd Daly, Md. Rozalafri & Nursyamimi (2017) mendapati bahawa filem adalah penting sebagai agen penyebar ideologi untuk menyemai semangat patriotik dan cintakan negara. Filem-filem seperti ini membawa masyarakat kepada pembinaan jati diri dan kecintaan kepada bangsa dan negara. Jasa-jasa pejuang negara diabadikan dan dikenang oleh generasi sekarang dan akan datang melalui filem yang diterbitkan. Di Malaysia filem Seruan Merdeka arahan B.S. Rajhans yang diterbitkan pada tahun 1947 secara jelas menunjukkan kebencian masyarakat terhadap pendudukan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Ini diikuti oleh berapa filem lain seperti Sarjan Hassan yang diterbitkan pada tahun 1958, Hati Malaya 1957 (2007), Tanda Putera (2012), Kanang anak Langkau (2017), Malay Regiment (2017) dan sebagainya.

Norirwani (2019) pula menjalankan kajian ke atas filem Fury yang diterbitkan pada tahun 2014 di Amerika Syarikat. Kajian beliau mendapati bahawa filem yang bertemakan patriotisme boleh membentuk imej patriotik, mentaliti yang kuat, kerja berpasukan, kesetiaan dan perpaduan masyarakat. Norirwani (2019) juga mendapati bahawa filem Fury turut menyebarkan elemen propaganda bagi menghalalkan perperangan Amerika Syarikat ke atas Jerman semasa Perang Dunia Kedua.

Filem juga digunakan sebagai propaganda bagi mendapatkan sokongan rakyat di negara lain ketika berlakunya perangan. Dio (2021) mendapati semasa pendudukan Jepun di Indonesia, filem-filem propaganda seperti *Jawa Nyusu* dan *Nanpo Hodo* telah berjaya menarik perhatian rakyat Indonesia untuk membantu Jepun bagi menghadapi perangan. Jepun menyedari bahawa seni lakonan dapat menjadi alat penyampaian propaganda untuk menyokong mereka mengalahkan seterunya dalam perang. Oleh itu sebuah syarikat filem Jepun, Nippon Eigasha ditugaskan mengeluarkan filem propaganda di Jakarta dan Eiga Haikyusha ditugaskan mengedarkannya ke setiap daerah yang kuasai Jepun.

Kedua, kajian literatur berkaitan sentimen anti-Jepun adalah berkisar dari peristiwa lampau dan semasa. Peristiwa lampau merujuk kepada pemerintahan Jepun di Korea (istilah Korea merujuk kepada Korea Utara dan Selatan sebelum pemisahan mereka pada tahun 1945) dari tahun 1910 hingga 1945 dan peristiwa semasa yang merujuk kepada isu yang masih lagi menghantui kedua-dua buah negara pada masa kini. Peristiwa lampau dan masa kini menyebabkan hubungan kedua-dua negara berada pada tahap yang rendah. Bukti ini adalah pada tahun 2021 pungutan suara yang dijalankan oleh Korea Economic Research Institute di Seoul mendapati hanya 16.7% orang Korea Selatan berasa rapat dengan Jepun (The Japan Times 2021). Ini menunjukkan sehingga sekarang orang Korea Selatan masih lagi tidak dapat membuang persepsi negatif terhadap Jepun.

Dari segi peristiwa masa lampau, semasa pendudukan Jepun di Korea, beberapa dasar telah diperkenalkan yang membangkitkan perasaan tidak puas hati yang mendalam dalam kalangan rakyat pasca kemerdekaan. Secara amnya sentimen anti-Jepun pasca kemerdekaan tidak dapat dihapuskan dengan mudah walaupun kedua-dua negara telah menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1965. Kajian oleh Andrew (2020) mendapati dasar asimilasi berikut penggabungan negara tersebut sebagai wilayah Jepun pada tahun 1910 menimbulkan

kemarahan rakyat Korea Selatan. Melalui dasar ini rakyat Korea dilucutkan kebebasan berhimpun, berpersatuan, menerbitkan akhbar dan bersuara. Pihak berkuasa kolonial juga menggunakan sistem persekolahan Jepun sebagai alat untuk mengasimilasikan Korea. Penekanan utama adalah mengajar bahasa Jepun dan tidak memasukkan mata pelajaran sejarah dan bahasa Korea ke dalam kurikulum pendidikan.

Selain itu, kajian oleh Gabriel (2019) mendapati isu wanita Korea yang diculik dan dijadikan Wanita Selesa oleh tentera Jepun turut menyebabkan timbulnya sentimen anti-Jepun. Menurut beliau sejarawan Jepun seperti Yoshiaki Yoshimi mendedahkan buku catatan harian, kesaksian pegawai tentera serta dokumen rasmi dari Jepun dan arkib pengadilan Tokyo bagi membuktikan bahawa tentera Jepun terlibat secara langsung dalam pemaksaan, penipuan dan penculikan wanita muda di seluruh wilayah jajahan Jepun untuk dijadikan Wanita Selesa (Gabriel 2019). Sebagai kesannya, kerajaan Jepun tidak dapat berbuat apa-apa selain mengakui penglibatannya dalam isu Wanita Selesa. Oleh itu pada Januari 1992 Perdana Menteri Kiichi Miyazawa telah meminta maaf setulusnya (*heart-felt apology*) secara rasmi semasa lawatannya ke Korea Selatan. Soeya (2019) yang turut mengkaji sentimen anti-Jepun menegaskan bahawa Jepun telah meminta maaf dengan Korea Selatan berkaitan isu Wanita Selesa melalui pemimpinnya. Antaranya adalah Kenyataan Kono yang dikeluarkan pada Ogos 1993 oleh Menteri Luar pada masa itu Yohei Kono yang mengakui kebertanggungjawaban ketenteraan Jepun semasa zaman penjajahan. Manakala Perdana Menteri berikutnya Morihiro Hosokawa turut mengakui kesalahan Jepun dalam sidang akhbar bersama presiden Kim Young-sam di Gyeongju, Korea Selatan pada November 1993.

Dari segi sentimen anti-Jepun yang berpunca dari isu-isu semasa adalah isu buku teks sekolah di Jepun. Hatano (2018) dan mendapati bahawa pada tahun 2000, Persatuan untuk Pembaharuan Buku Teks (*Society for History Textbook Reform*) yang berhaluan kanan telah menyerahkan buku teks baharu untuk diluluskan penggunaan di sekolah menengah rendah kepada Kementerian Pendidikan Jepun. Tumpuan buku tersebut adalah untuk menanam pemikiran baharu tentang sejarah Jepun. Contohnya buku tersebut menerangkan tujuan perperangan di Asia adalah untuk membebaskan mereka dari dicengkam penjajah luar. Perkataan “pencerobohan” (*shinryaku*) dalam bahagian asal buku teks telah diubah kepada “kemaraan” (*shinshutsu*), iaitu frasa yang lebih neutral (Hatano 2018). Perkataan Wanita Selesa juga dipadamkan dari buku teks yang menimbulkan pertikaian Korea Selatan mengenai Jepun yang dikatakan tidak menyesal dengan peristiwa lampau. Oleh itu, ketika buku teks tersebut diluluskan penggunaannya pada April 2001, Korea Selatan tidak puas hati dengan mengkritik cara ia menerangkan sejarah Jepun (Hatano 2018).

Begitu juga peristiwa lawatan perdana menteri-perdana menteri Jepun ke kuil Yasukuni. Contohnya lawatan Junichiro Koizumi dan Shinzo Abe ke kuil yang menempatkan roh penjenayah perang kelas A Jepun telah menimbulkan ketegangan antara kedua-dua buah negara (Khoo 2018). Koizumi mengadakan lawatan sebanyak enam kali sepanjang pentadbirannya dari tahun 2001 hingga 2006 dan Abe pada tahun 2013 yang membangkitkan kemarahan dan kecaman rakyat Korea Selatan. Koizumi dan Abe menegaskan lawatannya sebagai memberi penghormatan kepada rakyat Jepun yang meninggal dunia kerana mempertahankan negara. Walau bagaimanapun Korea Selatan menganggap lawatan Perdana Menteri sebagai mengagongkan kembali ketenteraan Jepun. Akibatnya, pemimpin Korea Selatan enggan bertemu dengan Koizumi, dan tidak ada lawatan antara pemimpin selepas Oktober 2001 hingga Jun 2005. Sebagai tambahan presiden Korea Selatan, Roh Moo-hyun menggantung semua perbincangan sidang kemuncak antara Korea Selatan dan Jepun. Lawatan Abe pula merosakkan bukan hanya hubungan Jepun-Korea Selatan, tetapi juga kestabilan dan kerjasama di Asia Timur. Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Yoo Jin-Ryong, menyatakan bahawa mereka tidak lagi dapat menahan kekecewaan dan kemarahan dari lawatan tersebut (Khoo 2018).

Pertikaian terbaru antara Jepun dan Korea Selatan juga adalah mengenai pampasan untuk bekas buruh paksa Korea (Sasaki 2019). Walaupun kerajaan Jepun telah menyelesaikan isu berkaitan buruh paksa apabila termeterainya hubungan diplomatik pada tahun 1965, tetapi ia masih lagi dipertikaikan. Jepun kecewa kerana penyelesaian yang dipersejutui masih lagi tidak dapat memulihkan hubungan antara mereka kerana terdapat tafsiran sejarah yang berbeza antara mereka. Kini pemimpin kedua-dua negara secara terbuka mempersoalkan sama ada pihak yang satu lagi masih berkongsi nilai teras dan matlamat strategik yang sama iaitu keselamatan di rantau Asia Timur yang diancam oleh Korea Utara (Sasaki 2019).

Dapat disimpulkan bahawa kajian terdahulu banyak membincangkan peristiwa lampau dan semasa sehingga menyebabkan timbulnya sentimen anti-Jepun. Walau bagaimanapun terdapat lagi satu faktor yang menyebabkan rakyat Korea Selatan sentiasa tidak berpuas hati dengan Jepun, iaitu filem-filem anti-Jepun yang diterbit di Korea Selatan. Penerbitan filem-filem ini menimbulkan provokasi dan mengingatkan mereka kembali peristiwa lampau yang hampir dilupakan. Keadaan ini adalah seperti “luka lama berdarah kembali.”

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif iaitu analisis bersumberkan penyelidikan lepas, laporan akhbar dan menonton filem anti-Jepun yang menjadi kajian kes. Filem yang menjadi fokus kajian diteliti supaya pengkaji dapat memahami dan menghayati penceritaan yang ingin disampaikan. Di samping itu, lebih penting lagi adalah sebagai penonton filem tersebut, pengkaji meneliti ideologi yang tersurat dan tersirat yang terdapat dalam filem tersebut. Kandungan dari filem-filem tersebut dianalisis dan dibandingkan dengan realiti sebenar isu yang ditonjolkan dalam filem tersebut. Pandangan dan tindak balas penonton Korea Selatan yang menonton filem tersebut juga dianalisis bagi menjawab persoalan kesan filem tersebut kepada mereka. Bagi menjawab persoalan yang ditetapkan, kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama adalah sinopsis filem, kedua, sambutan yang diterima, ketiga, impak dari filem tersebut dan terakhir perbincangan hubungan Jepun-Korea Selatan berkaitan tema filem anti-Jepun yang diterbitkan.

## SINOPSIS FILEM

Seperti diterangkan di atas, tiga filem yang dikaji mempunya dua tema yang berbeza iaitu Wanita Selesa bagi filem *Spirit Homecoming* dan layanan buruk terhadap warga Korea yang dibawa/pergi ke Jepun bagi filem *The Battleship Island* dan *Anarchist from Colony*.

*Spirit Homecoming* adalah filem yang berlatarbelakangkan pendudukan Jepun di Korea pada tahun 1943. Ia mengisahkan Jung-min berusia 14 tahun dan Young-hee 16 tahun yang ditangkap tentera Jepun dan dihantar ke Manchuria. Mereka dijadikan sebagai Wanita Selesa bagi melayan keperluan seksual tentera Jepun. Ramai mengalami trauma dan tekanan perasaan sehingga kehilangan kewarasannya. Oleh itu Jung-min, Young-hee dan beberapa orang lain merancang untuk melarikan diri tetapi tidak berjaya. Apabila China dan Kesatuan Soviet memulakan serangan ke atas Jepun, mereka memutuskan untuk membunuh semua Wanita Selesa di tempat yang sama. Jung-min meninggal dunia dan Young-hee diselamatkan oleh gerila Korea. Dalam plot lain, Young-hee yang telah menjadi warga tua menghadapi pandangan jijik masyarakat kerana sejarahnya sebagai Wanita Selesa. Hanya beberapa orang yang bersedia mendampinginya termasuk seorang pengamal ilmu hitam yang mampu menyalurkan semangat orang mati kepada orang yang mereka sayangi. Young-hee meminta pengamal ilmu hitam memanggil roh Jung-min dan mengunjungi kampung halaman bersama. Mereka mengimbas kembali peristiwa semasa remaja sehingga menjadi Wanita Selesa. Penerbitan filem berkenaan mendapat inspirasi dari sebuah lukisan karya Kang Il-chul yang menggambarkan Wanita Selesa mengalami kesengsaraan sepanjang kolonialisme Jepun (bossymag.com 2018, inikpop.com 2020).

*The Battleship Island* merupakan filem perang, penjara dan usaha membebaskan diri dari tahanan Jepun. Filem ini berlatar belakangkan Pulau Hashima di prefektur Nagasaki pada zaman kolonialisme Jepun di Korea. Semasa pendudukan Jepun, beratus orang Korea dan Cina dibawa ke pulau tersebut untuk melakukan kerja-kerja perlombongan arang batu bawah tanah. Berikutan persekitaran kerja yang tidak selesa serta layanan buruk diterima, 400 orang pekerja Korea mempertaruhkan nyawa untuk melarikan diri dari pulau tersebut. Antara pekerja tersebut termasuk Lee Kang-ok yang dianggap sebagai ketua yang menyelamatkan mangsa-mangsa tersebut termasuk anak perempuannya Lee So-hee. Berlaku pertempuran sengit di pulau tersebut yang memperlihatkan semangat perjuangan dan nasionalisme yang tinggi dalam kalangan warga Korea (Baharudin Al Farisi 2021).

*Anarchist from Colony* pula adalah filem periodikal biografi mengenai kehidupan aktivis kemerdekaan Park Yeol. Filem biografi tersebut berdasarkan penceritaan Fumiko Kaneko (isteri Park Yeol) yang ditulis oleh Shoji Yamada (Rumy 2017b, Hanna 2021). Filem ini berdasarkan kisah benar Park Yeol yang merupakan seorang anarkis dan pejuang revolusioner Korea. Park pergi ke Jepun untuk melanjutkan pengajian selepas *March First Movement* (Pergerakan Samil) iaitu pergerakan pelajar dan rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan dan memprotes dasar asimilasi Jepun tahun 1919. Mereka menubuahkan kumpulan anarkis *Bulryeongsa* yang merancang pembunuhan Putera Mahkota Jepun, Hirohito. Filem ini juga mengetengahkan hubungan antara Park Yeol dan isterinya Fumiko Kaneko, seorang nihilis Jepun yang bersimpati dengan perjuangan orang Korea yang ditindas pemerintah Jepun (Rumy 2017b, 2017d, Hanna 2021). Peristiwa gempa bumi besar di Tokyo tahun 1923 telah digunakan oleh pemerintah Jepun untuk membersihkan kumpulan anarkis termasuk Park Yeol. Beliau dihukum penjara seumur hidup atas tuduhan percubaan membunuh Putera Mahkota Jepun (Rumy 2017a, Hanna 2021), manakala ribuan lagi warga Korea terbunuh atau dibunuh. Peristiwa ini juga dikenali sebagai pembunuhan beramai-ramai Kanto (*Kanto Massacre*) tahun 1923.

## SAMBUTAN FILEM ANTI-JEPUN

Filem *Spirit Homecoming* ditayang di seluruh Korea Selatan pada tahun 2016. Penggambaran filem itu dihentikan beberapa kali berikutan masalah kewangan. Walau bagaimanapun penerbitan filem ini diteruskan dengan sumbangan dana dari 75,200 orang awam kepada produksi filem (Park & Kim 2016). Tarikh tayangan juga ditangguhkan kerana kurangnya pawagam yang bersedia untuk menayangkan filem itu. Namun, orang ramai membeli tiket terlebih dahulu dan menandatangani petisyen agar filem tersebut dapat ditayangkan di lebih banyak pawagam. Tayangan pertama adalah pada 1 Mac 2016, iaitu ulang tahun Pergerakan Samil yang menyaksikan filem tersebut menduduki tangga teratas dari segi pungutan tiket dengan nilai US\$6.4 juta (Nam & Park 2016). Filem ini mempunyai kadar tempahan tontonan 33.3%, menjadikannya menduduki tangga teratas untuk sembilan hari berturut-turut (Nam & Park 2016). Filem ini juga ditayangkan di beberapa bandar utama di Los Angeles dan Dallas, Amerika Syarikat serta di Kanada dan United Kingdom dengan keseluruhan kutipan adalah sebanyak US\$23,857,217 (Spirits' Homecoming 2016).

Filem *The Battleship Island* ditayangkan pada 26 Julai 2017 di Korea Selatan. Menurut Majlis Filem Korea, *The Battleship Island* mencipta rekod baharu dengan menarik 970,516 orang penonton pada malam pertama tayangannya. Sehingga 30 Julai seramai 2.5 juta orang telah menonton yang menghasilkan pendapatan sebanyak US\$18.57 juta dari 2,027 tayangan. Jumlah ini mewakili 37.1% daripada keseluruhan pawagam di Korea Selatan (Jon 2017). Menjelang hari ke-12 tayangan, jumlah penonton melebihi 6 juta orang. Selain ditayangkan kepada orang awam, filem ini juga dipertontonkan khas kepada diplomat asing di Korea Selatan. Pada 28 Julai 2017, ia juga ditayangkan kepada pegawai dan diplomat UNESCO di Paris (KBS World 2017). Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai sejarah

tersembunyi dan memberi penerangan mengenai kehidupan sukar yang dilalui oleh orang Korea di lokasi perlombongan arang batu bawah tanah di Pulau Hashima. Filem ini juga telah dijual ke 113 negara, termasuk negara-negara Amerika Utara, Perancis, Itali, Rusia, Turki, Taiwan, Indonesia, Jepun, Hong Kong, Singapura dan Thailand (Rumy 2017c). Keseluruhan kutipan dari filem ini adalah sebanyak US\$46,183,383 (The Battleship Island 2017).

Filem *Anarchist from Colony* juga mendapat sambutan hebat pada minggu pertama penayangannya dengan memperoleh US\$5.9 juta dari 817,971 orang penonton. Seperti filem anti-Jepun sebelumnya filem ini juga mengungguli pungutan tiket pawagam di Korea Selatan. *Anarchist from Colony* menguasai 48.8% jumlah jualan tiket pada minggu pertama tayangannya (Shim 2017). Selama dua minggu tayangan, filem ini ditonton oleh 1.18 juta orang dengan memperolehi US\$12.36 juta secara keseluruhan (Shim 2017). Filem ini memperoleh US\$16.1 juta setelah satu bulan ditayangkan. Seperti filem periodikal lain, filem ini juga ditayang di beberapa bandar di Amerika Syarikat seperti Los Angeles, Buena Park, Dallas dan Texas (Paige 2017).

Dari perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa filem bertemakan kolonialisme Jepun di Korea sentiasa mendapat sambutan menggalakkan dari penonton di Korea Selatan. Ini dapat dibuktikan dari segi jumlah tontonan dan jualan tiket yang tinggi. Pengkaji berpendapat sambutan hangat dikaitkan dengan persekitaran masyarakat Korea Selatan yang mempunyai pendidikan tinggi yang dahagakan filem-filem bercorak persejarahan negara mereka sendiri. Ditambah lagi sentimen anti-Jepun dalam kalangan mereka yang mendalam menyebabkan filem tersebut berjaya menarik mereka ke pawagam. Masa tayangan juga penting seperti pada hari ulang tahun Pergerakan Samil yang menyaksikan semangat nasionalisme rakyat pada tahap yang tinggi. Melihat kepada sambutan hangat rakyat Korea Selatan terhadap filem bertemakan anti-Jepun maka penerbit filem mengambil peluang bagi mendapatkan keuntungan. Walau bagaimanapun di sebalik matlamat keuntungan, filem bertema tersebut turut menanam ideologi anti-Jepun dalam kalangan rakyat Korea Selatan yang seterusnya membangkitkan kebencian mereka kepada Jepun.

Selain dalam negara, filem-filem ini juga berjaya menembusi pasaran antarabangsa serta dipertontonkan kepada diplomat negara asing. Kesannya adalah ideologi dan persepsi buruk yang hendak disampaikan mengenai kolonialisme Jepun di Korea dapat disalurkan sehingga ke seluruh pelosok dunia. Ini seterusnya menjelaskan imej Jepun sebagai sebuah negara yang terkenal dengan sumbangan kepada pembangunan ekonomi seluruh dunia.

## IMPAK FILEM ANTI-JEPUN

Dua tema utama dari tiga filem yang dikaji memberi impak yang tersendiri kepada penonton. Antaranya adalah dari segi merasa simpati dan insaf atas pengalaman pahit yang dilalui oleh rakyat Korea terdahulu. Tetapi lebih penting impak filem tersebut menimbulkan kemarahan dan membakar semangat nasionalisme mereka kerana layanan buruk yang diterima sepanjang kolonialisme Jepun.

Tema pertama berkaitan Wanita Selesa memperlihatkan gaya naratif *Spirit Homecoming* sebagai memburukkan imej Jepun pada zaman kolonialisme. Walaupun terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan ahli akademik berkaitan isu Wanita Selesa tetapi perlukisan imej Jepun adalah hitam dalam filem ini. Pada tahun 2013, profesor Universiti Sejong, Park Yu-ha menerbitkan buku berbahasa Korea bertajuk *Comfort Women of the Empire* yang menggunakan pelbagai testimoni mengapa mereka terlibat sebagai Wanita Selesa (Lee 2019). Kajian beliau mendapati bahawa terdapat wanita Korea yang dipaksa menjadi Wanita Selesa dan ada yang secara sukarela bagi menyara keluarga. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mlarikan diri dari menjadi beban tanggungan ibu bapa (Lee 2019). Berikutnya dapatan kajian Park, mahkamah Seoul menapis sebahagian buku beliau dan mendenda 90 juta won (US\$74 ribu) kerana memfitnah Wanita Selesa yang masih hidup. Pendakwaan juga meminta hukuman

penjara tiga tahun dijatuhkan ke atas Park (Yi 2021). Park menegaskan bahawa Wanita Selesa yang ditemuinya bebas menceritakan pengalaman mereka, tanpa mengikuti naratif nasionalis dan anti-Jepun. Oleh itu apa yang diceritakan adalah benar dari segi tujuan menjadi Wanita Selesa iaitu secara paksaan dan sukarela.

Impak dari filem ini menyaksikan tema berkaitan Wanita Selesa mendapat sokongan ramai sejak penggambaran lagi. Pada awal pembikinannya, filem tersebut menghadapi masalah kewangan kerana para pelabur enggan bekerjasama berikutan sensitiviti terhadap isu Wanita Selesa (Park & Kim 2016). Begitu juga masalah dari segi kesediaan pawagam untuk menayang filem tersebut yang terhad. Namun dengan kesediaan penonton membuat petisyen untuk menonton filem tersebut menyebabkan lebih banyak pawagam dibuka. Ini menunjukkan kesungguhan rakyat untuk merealisasikan penerbitan dan penayangan filem bertemakan kolonialisme Jepun. Penerbitan filem tersebut juga dapat mendedahkan kepada orang ramai realiti kolonialisme Jepun di Korea. Terdapat orang perseorangan dan institusi sanggup mengeluarkan perbelanjaan untuk membawa penonton lain menonton filem tersebut. Contohnya Lee Wu-seong, pengarah satu institut swasta di Geumchon, Paju, Provinsi Gyeonggi menyewa sebuah pawagam tempatan pada 1 Mac untuk dipertontonkan *Spirit Homecoming* kepada 160 pelajar dan ibu bapa (Nam & Park 2016). Tujuannya adalah untuk golongan muda dan seluruh keluarga memahami dan memikirkan kembali isu-isu sejarah lampau. Namun perkara yang lebih penting lagi ideologi yang ingin disampaikan berkaitan kolonialisme Jepun di Korea dapat disebarluaskan kepada pelajar dan ibu bapa mereka.

Sebuah kelab sukarelawan di sebuah sekolah berasrama turut menganjurkan penayangan filem *Spirit Homecoming* di sekolah. Selepas penayangan, mereka mengadakan aktiviti penjualan gelang tangan kepada orang awam dan pelajar sekolah tersebut. Hasil jualan sebanyak 600,000 won disumbangkan kepada Muzium Hamba Seksual Tentera Jepun Heeum (*Heeum Museum of Sexual Slavery by the Japan Military*) dan untuk membantu Wanita Selesa (Hwang 2016). Ini merupakan impak penayangan filem tersebut yang melahirkan belas kasihan, simpati dan keinsafan kepada mangsa Wanita Selesa. Manakala penerbit filem tersebut turut menyumbangkan 500 juta won hasil penjualan tiket kepada Rumah Perkongsian, iaitu tempat perlindungan Wanita Selesa yang masih hidup dan kepada Yayasan Keadilan dan Peringatan untuk Wanita Selesa Ketenteraan Jepun di Provinsi Gyeonggi (*Hancinema: The Korean Movie and Drama Database* 2016). Sumbangan ini juga merupakan impak kepada filem tersebut yang menyaksikan kesediaan berkongsi keuntungan dan lebih penting lagi sokongan kepada Wanita Selesa supaya mereka dapat pembelaan dari kesengsaraan yang dihadapi pada masa lampau.

Kemuncak kepada tontonan filem tersebut adalah pernyataan ketidakpuasan hati terhadap penyelesaian isu Wanita Selesa antara kerajaan Jepun dan Korea Selatan pada Disember 2015. Mereka tidak bersetuju dengan pemerintah Korea Selatan yang bersepakat dengan Jepun dalam menyelesaikan isu Wanita Selesa tanpa mengambil pertimbangan dan permintaan Wanita Selesa. Ketidakpuasan hati orang ramai terhadap penyelesaian isu tersebut dan pengalaman yang perit dilalui Wanita Selesa telah memainkan peranan dalam memacu penjualan tiket filem tersebut (Park & Kim 2016). Penonton menyatakan bahawa mereka membeli tiket sebagai petisyen ketidakpuasan hari terhadap cara penyelesaian isu Wanita Selesa oleh kerajaan kedua-dua buah negara. Sentimen ini dapat dilihat dalam tinjauan terhadap 218 pelajar di mana 84.9% mengatakan perjanjian Seoul-Tokyo berkaitan Wanita Selesa adalah salah (Park & Kim 2016). Responden tersebut turut menegaskan bahawa mereka tidak dapat membayangkan kesakitan yang ditanggung oleh wanita-wanita itu dan turut berkongsi penderitaan yang dilalui mereka (Park & Kim 2016). Oleh itu dapat dilihat respons selepas menonton *Spirit Homecoming* telah membangkit ketidakpuasan hati kepada kolonialisme Jepun. Namun perkara yang lebih penting kesan penayangan filem ini ialah penyebaran ideologi sentimen anti-Jepun sentiasa kekal dalam pemikiran orang Korea Selatan sehingga

mereka tidak dapat berhubungan rapat dengan orang Jepun walaupun peristiwa ini telah tamat lebih 70 tahun.

Layanan buruk yang diterima orang Korea yang dibawa ke Jepun diperlihatkan dalam filem *The Battleship Island*. Selepas menonton filem tersebut penonton menyatakan ketidakpuasan hati kerana gagal mengungkap jenayah perang yang dilakukan oleh tentera Jepun. Pengungkapan jenayah perang dalam filem *The Battleship Island* yang dilakukan oleh Jepun adalah terlalu cetek dan lebih menumpukan kepada tujuan komersial (Justin 2015, Yim 2019). Seorang penonton filem menyatakan kekecewaannya kerana kurangnya gambaran terperinci mengenai kekejaman Jepun terhadap pekerja Korea. Realiti sebenar adalah lebih dari itu. Ini dapat dibuktikan dari testimoni seorang bekas pekerja perlombongan tersebut Kim Hyeong-seok, 97 tahun yang perlu bekerja dalam keadaan yang mengerikan. "Saya masih trauma dengan pengalaman di pulau itu, kami terpaksa bekerja lebih dari 12 jam sehari" (Justin 2015, Yim 2019)." Seorang lagi mangsa Choi Jang-seop yang dibawa ke Jepun ketika berusia 16 tahun mengatakan bahawa beliau menderita akibat siksaan yang dikenakan setelah gagal melarikan diri dengan rakit. "Saya disebat sehingga kulit saya terkoyak. Mereka memaksa saya bekerja di tempat yang teruk" (Justin 2015). Impak dari filem tersebut menyaksikan penonton tidak berpuas hati dengan gambaran dalam filem tersebut kerana realiti sebenar adalah lebih teruk. Mereka menjadi lebih emosional menyaksikan pengalaman perit yang dilalui oleh orang Korea sehingga menimbulkan kebencian kepada orang Jepun hingga sekarang.

Seorang penonton yang menamakan dirinya Mawibanalo menyatakan perasaan sedih ketika menyaksikan buruh paksa ditangkap dan diseksa. Manakala berasa lega apabila berjaya melarikan diri dari Pulau Hashima. Beliau juga mendapat pengajaran seperti teguh memperjuangkan hak dan berani menghadapi cabaran kehidupan. Filem seperti ini membuat beliau menyedari betapa pentingnya mengetahui apa yang berlaku pada masa lalu, serta peristiwa bersejarah yang memilukan yang tidak boleh dilupakan (Mawibanalo 2021).

Manakala filem *Anarchist from Colony* menyaksikan pembunuhan beramai-ramai golongan sosialis, komunis, anarkis dan pembangkang di Jepun. Peristiwa yang berlaku sejurus selepas gempa bumi besar Kanto itu berlanjutan selama tiga minggu bermula pada 1 September 1923. Ia juga dinamakan *Kanto Massacre* berikutan khabar angin yang mengatakan orang Korea di Jepun meracun sumber air minuman di Tokyo. Dalam tempoh ini, golongan berhaluan kanan, tentera, polis dan orang awam membunuh lebih kurang 6,000 orang termasuk sosialis Jepun dan etnik Korea (Tessa 2021).

Penonton *Anarchist from Colony* menyatakan filem tersebut telah membangkitkan semangat patriotiknya kerana memperlihatkan perjuangan orang Korea yang mahu menjadikan negara mereka sebagai tempat yang lebih baik. Park Yeol dan isterinya Fumiko yang berbangsa Jepun menginginkan kebebasan Korea dari kolonialisme Jepun (Raine0211 2017). Mereka berdua berjuang demi negara, bahasa ibunda, sejarah dan rakyat yang ditindas. Contohnya dalam filem tersebut, Park Yeol berkeras untuk memakai pakaian kebangsaan Korea di mahkamah Jepun dan bercakap dalam bahasa Korea semasa disoal siasat oleh pendakwa raya (Rumy 2017b). Dalam filem yang sama, ketika Park Yeol diadili, gambar telah ambil bersama isterinya. Gambar tersebut menunjukkan Park meletakkan tangannya di dada Fumiko yang menunjukkan ia mengejek sistem perundungan Jepun (Rumy 2017b). Kemudiannya apabila dijatuhan hukuman penjara seumur hidup, beliau telah merelakannya. Namun ia bukan sekadar penerimaan pasif terdapat hukuman tersebut tetapi sebagai penonjolan kolonialisme Jepun supaya mendapat perhatian masyarakat antarabangsa. Sikap Park Yeol membangkit semangat nasionalisme penonton yang menonton filem tersebut. Inilah penyebaran ideologi yang diperolehi hasil dari tontonan filem tersebut.

## **PERBINCANGAN**

Seperti diterangkan di atas, hubungan diplomatik kedua-dua negara telah terjalin pada tahun 1965 berikutan termeterainya Perjanjian Asas Jepun-Korea Selatan. Berikutan perjanjian ini masalah berkaitan kedua-dua negara telah diselesaikan termasuk isu Wanita Selesa dan layanan buruk warga Korea yang dibawa/pergi ke Jepun. Jepun membayar wang pampasan US\$800 juta seperti yang dipersetujui kedua-dua negara. Jumlah ini sangat besar pada masa tersebut dengan disamakan 1.5 kali ganda belanjawan Korea Selatan (Editorial Board 2019). Dari jumlah tersebut sebanyak US\$300 juta diperuntukkan untuk geran bantuan ekonomi, US\$300 juta untuk projek swasta dan US\$200 juta pinjaman pembangunan (Tom 2019). Pinjaman dan geran bantuan ekonomi yang diberikan kepada Korea Selatan digunakan untuk projek pembangunan negara tersebut seperti pembelian bahan mentah untuk perkilangan, pembangunan pengairan untuk pertanian, pembinaan syarikat besi dan keluli Pohang, pembinaan kapal latihan maritim dan sebagainya (Tim 2019). Dengan kata lain, pembayaran pampasan tersebut telah digunakan untuk membangunkan Korea Selatan yang pada masa itu masih lagi bergelut dengan kemiskinan. Pembayaran pampasan tersebut sangat besar sumbangannya kepada asas pembangunan ekonomi Korea Selatan sehingga hari ini (Tom 2019). Walau bagaimanapun penyelesaian tidak mudah seperti yang diharapkan kerana ketidakpuasan hati masih lagi tidak dapat dipadamkan dalam kalangan rakyat. Oleh itu pelbagai tindakan dilakukan bagi menyuarakan ketidakpuasan hati termasuk menerbitkan filem-filem anti-Jepun.

Jepun sebolehnya mahu menyelesaikan isu-isu tertangguh yang menghalang hubungan baik dengan Korea Selatan. Contohnya dalam isu berkaitan pencurian harta milik kerajaan Korea ketika zaman kolonialisme, Jepun memberikan kerjasama sepenuhnya supaya isu tersebut dapat diselesaikan segera. Artifak tersebut diperoleh secara tidak wajar melalui kerjasama pengkhianat pro-Jepun (*chinilpa*) semasa penjajahan. Pada tahun 1946, pada ulang tahun pertama kemerdekaan Korea Selatan, dua cop mohor milik kerajaan yang dikenali sebagai *gwanin* telah dipulangkan (Yim 2019). Manakala pada tahun 1992 sebanyak 20,000 telinga orang Korea yang ditanam di Perkuburan 1,000 Hidung (*1,000 Nose Tomb*) di *Okayama* digali semula dan dibawa pulang ke negara asal. Telinga tersebut dibawa ke Jepun 400 tahun lalu yang dimiliki oleh tentera dan orang awam Korea yang ditangkap dan dibunuhan semasa pencerobohan Jepun pada tahun 1597 (Hyunseung 2021). Pada tahun 2020, kotak seramik mutiara (*mother-of-pearl lacquerware box*) yang jarang ditemui dari zaman kerajaan Goryeo (918-1392) dikembalikan ke Korea Selatan dari pengumpul peribadi di Jepun (Kwon 2020).

Manakala isu berkaitan Wanita Selesa mula dibangkitkan di parlimen Jepun pada Jun 1990 hasil daripada pergerakan wanita Korea Selatan. Ini diikuti oleh tindakan saman yang difaiklan oleh Wanita Selesa Korea Selatan ke atas kerajaan Jepun pada Disember 1991 (Gil 2021). Walau bagaimanapun hanya beberapa kes yang dimenangi oleh pihak plaintif setelah dibawa ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi. Contohnya keputusan pada 26 Mac 2001 yang menyaksikan mahkamah tinggi Hiroshima telah mengarahkan pembatalan keputusan mahkamah daerah pada tahun 1998. Mahkamah telah mengarahkan kerajaan Jepun membayar kepada tiga orang bekas Wanita Selesa Korea Selatan sebanyak 300,000 yen (US\$2,272) seorang (Soh 2003). Sebenarnya kejayaan kerajaan Jepun mengenepikan saman dari Wanita Selesa adalah disebabkan pelbagai persetujuan bilateral antara Jepun dan negara lain yang telah menyelesaikan beberapa masalah tertangguh antara Jepun dengan negara yang pernah ditaklukinya (Woo 2021).

Gerakan wanita Korea Selatan juga memperluaskan desakan sehingga ke peringkat organisasi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Mereka mendesak supaya menjalankan beberapa siri pendengaran dan penyiasatan rasmi dalam hal-hal yang berkaitan Wanita Selesa. Dengan tekanan antarabangsa untuk membayar pampasan kepada bekas Wanita Selesa, kerajaan Jepun telah menyifatkan pembayaran adalah sebagai tanggungjawab moral akibat penderitaan yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu *Asian Women's*

*Fund* (AWF) telah ditubuhkan di Jepun pada tahun 1995 untuk membantu Wanita Selesa dan isu-isu kontemporari lain berkaitan kehormatan wanita (Gil 2021). Sumber kewangan AWF adalah gabungan antara wang yang disumbangkan oleh rakyat dan kerajaan Jepun untuk menyokong projek yang dijalankan untuk bekas Wanita Selesa. AWF dianggap sebagai organisasi bukan kerajaan tetapi dipertanggungjawabkan oleh kerajaan Jepun bagi menjalankan projek-projek mereka.

Oleh sebab itu Korea Selatan mengkritik AWF sebagai wang tabungan persendirian dan menganggap kerajaan Jepun cuba lari dari tanggungjawab moral (Digital Museum 2022). Dengan kata lain penubuhan AWF adalah supaya kerajaan Jepun menjadi tidak bertanggungjawab kepada Wanita Selesa, sebaliknya organisasi tersebutlah yang bertanggungjawab. Inilah alasan utama mengapa terdapat Wanita Selesa yang masih lagi menolak pampasan disalurkan oleh AWF. Pada masa yang sama organisasi bukan kerajaan Korea Selatan, *The Korean Council for the Women Drafted for Military Sexual Slavery by Japan* (Korean Council) ditubuhkan. *Korean Council* menjalankan pungutan wang di seluruh negara pada tahun 1997 bagi membantu Wanita Selesa Korea Selatan yang masih hidup. Mereka tidak menggalakkan Wanita Selesa menerima pampasan dari AWF selagi tidak ada permohonan maaf yang tulus dari kerajaan Jepun (Digital Museum 2022). *Korean Council* juga melobi pentadbiran Kim Dae-jung dan memperolehi bayaran khas dari kerajaan sebanyak 31.5 juta won (US\$26,000) setiap orang kepada 140 Wanita Selesa pada Mei 1998 (Digital Museum 2022).

Berikutan isu Wanita Selesa yang berpanjangan, pada Disember 2015 perjanjian Korea Selatan-Jepun ditandatangani dengan 34 dari 46 Wanita Selesa menerima pampasan daripada kerajaan Jepun (Kyodo News 2019). Jepun sekali lagi meminta maaf dan membayar 1 bilion yen (US\$9.5 juta), yang diminta oleh Korea Selatan kepada mangsa (BBC News 2019). Keseriusan Abe untuk menyelesaikan isu ini dapat dilihat menerusi ucapannya bahawa Jepun dan Korea Selatan memasuki era baharu dan tidak boleh mengheret masalah ini kepada generasi berikutnya (BBC News 2019). Walaupun begitu masih terdapat rakyat Korea Selatan yang masih lagi tidak mengiktiraf penyelesaian ini kerana tidak mengambil kira pendapat Wanita Selesa. Contohnya Penerbit filem *Spirit Homecoming*, Cho Jung-rae semasa wawancara dengan *The Korea Times* mengatakan bahawa isu Wanita Selesa tidak berakhir dan akan berterusan. Ia hanya akan diselesaikan apabila Jepun meminta maaf yang tulus kepada mangsa dan menghukum mereka yang bertanggungjawab (Park & Kim 2016). Berikut pelbagai halangan yang dihadapi, isu Wanita Selesa masih lagi menjadi duri dalam daging dalam hubungan Jepun – Korea Selatan serta dijadikan tema untuk filem bagi menyebarkan ideologi anti-Jepun.

Begitu juga isu berkaitan layanan buruk terhadap warga Korea yang dibawa/pergi ke Jepun seperti digambarkan dalam filem *The Battleship Island* dan *Anarchist from Colony* telah diselesaikan berikutan perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1965. Bertentangan dengan itu, isu tersebut masih lagi dianggap tidak selesai oleh penduduk Korea Selatan. Ini kerana perjanjian tersebut tidak secara jelas mengatakan individu tidak boleh membuat tuntutan atas penderitaan yang dilalui semasa kolonialisme Jepun. Perjanjian tahun 1965 hanya meliputi pampasan antara kedua-dua buah negara bukan antara individu. Sehubungan itu mahkamah di Korea Selatan memutuskan bahawa perjanjian itu tidak meliputi hak buruh paksa yang dibawa oleh syarikat Jepun semasa kolonialisme dan pencerobohan semenanjung Korea (BBC News 2019). Oleh itu mahkamah Korea Selatan telah memerintahkan syarikat Jepun yang terlibat dalam zaman kolonialisme, *Mitsubishi Heavy Industries Limited* membayar sehingga 150 juta won (US\$133,000) kepada 28 mangsa buruh paksa Korea Selatan atau keluarga mereka. Walau bagaimanapun *Mitsubishi Heavy Industries Limited* menegaskan bahawa keputusan mahkamah "sangat dikesali" (Anna Kim 2020). Mahkamah Tinggi Korea Selatan juga memerintahkan untuk merampas aset syarikat Jepun di Korea Selatan untuk dijadikan pampasan kepada buruh

paksa (Jung 2019). Selain *Mitsubishi Heavy*, pampasan dari *Nippon Steel* dan *Sumitomo Metal Corp* untuk buruh paksa turut dituntut. Menteri Luar Negeri Jepun Taro Kono mengatakan keputusan itu "sangat dikesali dan tidak dapat diterima" (Anna Kim 2020). Kono juga mengatakan bahawa ia melanggar undang-undang antarabangsa dan Jepun mempertimbangkan untuk membawa kes ini ke tuntutan undang-undang antarabangsa (Anna Kim 2020). Shinzo Abe pula menegaskan bahawa tuntutan buruh paksa ke atas Jepun menunjukkan Korea Selatan tidak mematuhi komitmen perjanjian yang ditangani (Jung 2019). Tokyo merujuk kepada Artikel II *Agreement on the Settlement of Problems Concerning Property and Claims* yang ditandatangani bersama Perjanjian Asas Hubungan Jepun dan Korea Selatan 1965 yang menetapkan masalah berkaitan harta, hak kepentingan dan tuntutan Korea Selatan dan rakyatnya diselesaikan selengkapnya (Soeya 2019).

Berkaitan isu buruh paksa seperti yang digambarkan dalam *The Battleship Island*, berlaku perang dingin pihak yang terlibat secara terus dengan Pulau Hashima. Media Jepun sayap kanan seperti *Sankei Shimbun* telah mengecam filem *The Battleship Island* dengan menuduhnya memutarbelitkan kebenaran sejarah (*Sankei Shimbun* 2017a). *Sankei Shimbun* mengambil pandangan persatuan bekas penduduk dan waris Pulau Hashima, *Hashima Islanders for Historical History (Shinjitsu no rekishi o tsuikyū suru Hashima tōmin no kai)* yang menafikan kebenaran cerita tersebut. Mereka menyifatkan *The Battleship Island* sebagai sebuah filem fiksyen. Oleh itu mereka telah mengeluarkan kenyataan memprotes pada 15 Ogos 2017 kepada Duta Korea Selatan ke Jepun Lee Joon-gyu, Ketua Pertubuhan Etnik Korea di Jepun (*Korean Mindan*) Oh Gongtae dan media seperti *Sankei Shimbun*. Fakta sebenar yang dikeluarkan oleh persatuan tersebut adalah hanya dua orang polis tentera ditempatkan di pulau tersebut. Mereka juga mempersoalkan fakta pekerja Korea yang datang ke sana bersama keluarga masing-masing yang turut menderita. Fakta sebenarnya adalah anak-anak mereka juga bersekolah bersama-sama pelajar Jepun dan tidak dipaksa bekerja (*Sankei Shimbun* 2017a). Sebagai tambahan, terowong lombong yang digambarkan dalam filem tersebut berkedalaman 1000 meter di bawah tanah, tetapi persatuan mengatakan panjang sebenar adalah 750 meter dan dilengkapi dengan penyedut angin, air minuman dari pancuran dan lebih penting dalam persekitaran kerja yang tidak memerlukan. Manakala menurut wawancara *Hankook Ilbo* dengan Choi Jang-sub, 87 tahun, beliau menegaskan terdapat beberapa fakta dalam filem itu dikelirukan. Sebagai contoh, Choi tidak pernah melihat budak perempuan (anak ketua kumpulan) seperti yang digambarkan dalam *The Battleship Island*. Malahan pengambilan pekerja adalah hanya dalam kalangan lelaki (*Sankei Shimbun* 2017b). Berkennaan dengan adegan orang Korea yang dibunuhi oleh pengeboman Amerika Syarikat dan mayatnya ditimbunkan dan dibakar, Choi mengatakan bahawa perkara tersebut sebenarnya tidak berlaku. Sebaliknya orang Jepun memberikan rawatan dan penghormatan kepada mayat dan mengembalikannya ke Korea (*Sankei Shimbun* 2017b).

Sebagai tindak balas, pengarah filem tersebut Ryoo Seung-wan telah menegaskan bahawa filem tersebut tidak mempunyai unsur-unsur fiksyen sebaliknya dari kajian yang mendalam. Ia juga menunjukkan bagaimana perang menjadikan manusia lebih bersemangat untuk menentang ketidakadilan. Walau bagaimanapun, Jepun telah mengakui kewujudan aktiviti buruh paksa Korea dan China di sana semasa Perang Dunia Kedua. Pengakuan dibuat ketika memohon kepada UNESCO untuk menjadikan Pulau Hashima sebagai tapak Warisan Dunia. Korea Selatan telah menolak sokongan menjadikan Pulau Hashima sebagai tapak warisan dunia sehingga Jepun mengakui bahawa sebilangan besar orang Korea dan yang lain dibawa bertentangan dengan kehendak mereka (Kim 2020). Berkaitan isu *Kanto Massacre*, pada March 2017, ahli Dewan Perhimpunan Metropolitan Tokyo, Toshiaki Koga dari parti pemerintah, Parti Liberal Demokratik (LDP) mempersoalkan tentang jumlah korban yang tertulis di monumen memperingati *Kanto Massacre*. Oleh itu Koga meminta gabenor Tokyo, Yuriko Koike supaya memikirkan kembali tradisi pengiriman ucapan (*eulogy*) ke upacara

memperingati korban *Kanto Massacre* pada 1 September setiap tahun di Yokoami-cho Park di Sumida Ward, Tokyo (Nishimura & Kitano 2020). Gabenor Tokyo secara kebiasaan mengirim ucapan ke upacara itu, dan Koike sendiri mengirimnya sebelum ini. Walau bagaimanapun Koga menegaskan bahawa bukti jumlah mangsa yang terkorban adalah kabur dan perlu diteliti lagi. Sebagai tindak balas kepada Koga, Koike tidak lagi mengirim ucapan kerana menghormati semua orang yang menjadi korban gempa bumi di upacara peringatan yang diadakan pada hari yang sama (The Mainichi 2017). Sehubungan dengan itu Setiausaha Agung *Japan-Korea Association Tokyo Federation*, Hideo Akaishi menyatakan ketidakpuasan hati terhadap Koike kerana menghentikan penghantaran ucapan tersebut. Akaishi turut menegaskan bahawa keengganan memberikan ucapan menunjukkan bahawa tidak ada pembunuhan besar-besaran berlaku (The Mainichi 2017). Persatuan juga mengeluarkan pernyataan bahawa tindakan Koike menunjukkan bahawa mangsa pembunuhan beramai-ramai dan korban gempa bumi adalah sama sehingga tidak perlu menghantar ucapan khas untuk orang Korea yang dibunuh (The Mainichi 2017). Tindak tanduk Koike juga memperlihatkan beliau tidak mengiktiraf *Kanto Massacre*, malahan menganggap seperti ia tidak berlaku.

Oleh itu sebagai negara yang masih menyimpan ketidakpuasan hati, penerbitan filem dengan sentimen anti-Jepun adalah menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Tambahan lagi ianya sangat menguntungkan kerana mendapat sambutan hangat dalam kalangan penonton walaupun faktanya masih lagi boleh dipersoalkan. Namun ideologi yang dibawa oleh filem-filem anti-Jepun menambah lagi ketegangan hubungan antara kedua-dua buah negara. Ia dianggap sebagai membakar jambatan yang cuba dibina sejak tahun 1965 apabila hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara terjalin. Walaupun matlamat hubungan diplomatik diadakan adalah supaya dapat menikmati kemakmuran bersama, tetapi wujudnya sentimen anti-Jepun berikutan peristiwa lampau dan kontemporari menyebabkan ia menjadi duri dalam daging dalam hubungan antara mereka. Keadaan ini ditambah lagi dengan provokasi penerbitan filem anti-Jepun yang membakar jambatan ke arah hubungan rapat antara mereka.

Sentimen anti-Jepun yang meresap dalam hubungan antara mereka menyebabkan orang Korea Selatan memboikot produk Jepun seperti bir dan kereta, hubungan bandar berkembar dihentikan, bilangan penerbangan dipotong dan bantahan kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (International Olympic Committee: IOC) supaya mengharamkan penggunaan bendera matahari terbit (*rising sun*) yang digunakan oleh tentera Jepun dalam pencerobohan Asia di Sukan Olimpik Tokyo 2020 (Al-Jazeera 2021). Berikutan sentimen anti-Jepun yang masih lagi tidak terpadam dalam kalangan rakyat Korea Selatan, maka pihak tertentu telah mengambil kesempatan untuk menerbitkan filem-filem ideologi yang menggambarkan keganasan Jepun pada masa lampau. Penerbitan filem tersebut bukan hanya menghangatkan kembali sentimen anti-Jepun tetapi juga menyebabkan kemarahan dalam kalangan mereka. Walaupun penerbit mengatakan bahawa filem tersebut bukan untuk menimbulkan kebencian (Park & Kim 2016), tetapi dapat dilihat sentimen anti-Jepun yang ketara.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa filem anti-Jepun bertanggungjawab kepada penyebaran ideologi kepada masyarakat Korea Selatan. Dengan banyaknya filem anti-Jepun diterbitkan lama kelamaan mempengaruhi pemikiran rakyat sehingga menimbulkan kebencian dan kemarahan sesama mereka dan seterusnya merosakkan hubungan diplomatik kedua-dua buah negara. Tambahan lagi filem-filem tersebut berdasarkan sejarah negara yang sememangnya telah diketahui. Dengan menonton sendiri dan menggunakan kesan teknologi terkini menambah lagi kesan emosional penonton. Walaupun Jepun telah berkali-kali memohon maaf dan membayar pampasan perang, tetapi lebih banyak tuntutan dibuat oleh Korea Selatan. Korea Selatan menuduh Jepun masih tidak menebus kesalahannya dengan tulus dan pada masa yang sama Jepun mengatakan Korea Selatan tidak

tetap pendirian dan berterusan menuntut perkara-perkara yang telah diselesaikan sejak termeterainyan hubungan diplomatik pada tahun 1965. Ini menyebabkan perlahan-lahan masyarakat Jepun juga sudah bosan dengan tuntutan Korea Selatan dan seterusnya menimbulkan kebencian terhadap Korea Selatan pula. Ini dapat dibuktikan dari pungutan suara yang dijalankan oleh *The Korea Economic Research Institute* yang mendapati hanya 20.2% orang Jepun berasa rapat dengan orang Korea.

Walaupun filem anti-Jepun memaparkan sisi hitam kolonialisme Jepun, tetapi realitinya terdapat juga kebaikan sepanjang kolonialisme Jepun di Korea. Jepun membantu pembangunan asas seperti rangkaian pengangkutan dan komunikasi di seluruh negara dan mewujudkan sistem kewangan, pendidikan dan menamatkan amalan feudalisme Korea. Perkara-perkara positif begini juga perlu diwar-warkan supaya dapat diseimbangkan dengan isu-isu negatif yang sering didendangkan.

## RUJUKAN

- ‘Battleship Island’: Korean Film on Wartime Laborers Criticized for Being ‘Divorced from Reality’, (2017, August 31). *Sankei Shimbun*. <https://japan-forward.com/battleship-island-korean-film-on-wartime-laborers-criticized-for-being-divorced-from-reality/#:~:text=A%20Korean%20man%20who%20actually,out%20issues%20in%20the%20film>.
- 10 Points to Understand the Takeshima Dispute, 2014. *Ministry of Foreign Affairs of Japan*. <https://www.mofa.go.jp/files/000092147.pdf>
- Andrew H. (2020). Japan’s Education Policies in Korea in the 1910s: “Thankful and Obedient,” *Journal of Korean Studies*, 25 (1): 115–145.
- Khoo Ying Hooi. (2018). Nippon Izokukai and the Controversial Visits of the Japanese Prime Minister to the Yasukuni Shrine. In Muhammad Danial Azman & Geetha Govindasamy (Eds.), *Insights to East Asia: Bridging the Past and Present*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Aurelia, G. M. (2019, November 22). Is Japan Weaponizing Trade Against South Korea? *East Asia Forum*. <https://www.eastasiaforum.org/2019/11/22/is-japan-weaponising-trade-against-south-korea/>
- Baharudin Al Farisi (2021) "Sinopsis Film The Battleship Island, Kisah 400 Tahanan Korea Melarikan Diri dari Penjara" <https://www.kompas.com/hype/read/2021/02/06/210700066/sinopsis-film-the-battleship-island-kisah-400-tahanan-korea-melarikan-diri>.
- BBC World Service Poll [https://globescan.com/images/images/pressreleases/bbc2013\\_country\\_ratings/2013\\_country\\_rating\\_poll\\_bbc\\_globescan.pdf](https://globescan.com/images/images/pressreleases/bbc2013_country_ratings/2013_country_rating_poll_bbc_globescan.pdf) [11 August 2021].
- Dani G. (2021 October 27) Hallyu to the world: the incredible rise of Korean culture, *The Drum*. <https://www.thedrum.com/news/2021/10/27/hallyu-the-world-the-incredible-rise-korean-culture>
- Digital Museum: the Comfort Women issue and the Asian Women’s fund 2022 <https://awf.or.jp/e2/survey.html>
- Dio Y. S. (2021). Penggunaan Arsip Film Propaganda Romusha Masa Pendudukan Jepang Sebagai Sumber Belajar Sejarah Peserta Didik. *Jurnal Pendidikan Sejarah Indonesia*, 4(1). 114-127.
- Editorial Board. (2019, September 16). Where to Now for Japan–South Korea Relations? *East Asian Forum*. <https://www.eastasiaforum.org/2019/09/16/where-to-now-for-japan-south-korea-relations/>
- Gabriel J. (2019). Can Memories of the Japan-Korea dispute on “Comfort Women” Resolve the Issue? *International Journal of Korean Studies*, 23(2): 64-80

- Gil Y. H. (2021, April 22) Court's dismissal of "comfort women" lawsuit is biggest roadblock to justice to date, *Hani*  
[http://english.hani.co.kr/arti/english\\_edition/e\\_national/992197.html](http://english.hani.co.kr/arti/english_edition/e_national/992197.html)
- Hanna Tamondong, (2021, Aug 2) Whoa, Lee Je Hoon Once Starved Himself For Five Weeks For A Movie Role, *Cosmo*. <https://www.cosmo.ph/entertainment/lee-je-hoon-once-starved-himself-for-a-movie-role-a4575-20210802>
- Hatano S. (2018). History and the State in Postwar Japan, *The Asia-Pacific Journal*, 16(1).  
<https://apjjf.org/2018/09/Hatano.html>
- Hwang H. W. (2016, 26 October). Donation Culture in Korea, *The Korea Times*.  
[http://www.koreatimes.co.kr/www/opinion/2017/04/162\\_216826.html](http://www.koreatimes.co.kr/www/opinion/2017/04/162_216826.html)
- Hyunseung K. (2021, November 8) 'Ear tomb' made by Koreans' nose and ears, Former Japanese Prime Minister apologizes, *MBC News*. <https://www.newsdirectory3.com/ear-tomb-made-by-koreans-nose-and-ears-former-japanese-prime-minister-apologizes/>
- Japan-funded "comfort women" foundation in South Korea formally closed, (2019, July 5)  
<https://www.thenation.com/article/archive/south-korea-japan-cold-war/>
- Jon M. (2017, July 31). Battleship Island Tops Korean Weekend Box Office, Hauls \$27.85 Million in 5 Days, *International Business Times*. <https://www.ibtimes.sg/battleship-island-tops-korean-weekend-box-office-hauls-27-85-million-5-days-13287>
- Jung H. P. (2019, October 7). Why South Korea and Japan Fight So Much about Trade, *East Asia Forum*. <https://www.eastasiaforum.org/2019/10/07/why-south-korea-and-japan-fight-so-much-about-trade/>
- Justin M. C. (2015, July 6). Japan Sites Get World Heritage Status after Forced Labour Acknowledgement. *The Guardian*.  
<https://www.theguardian.com/world/2015/jul/06/japan-sites-get-world-heritage-status-after-forced-labour-acknowledgement>
- Kim A. (2020). Understanding Japan–South Korea Cooperation and Friction Through Neoclassical Realist Theory, *Jadavpur Journal of International Relations*, 24(1) 28–52.
- Kim S. (2020), Japan's 'Island of Hell' whitewash mars Unesco Heritage site, *Korea Joongang Daily*. <https://www.korea.net/NewsFocus/Society/view?articleId=186700>
- Korean Box Office Information (KOBIS System) (2021, August 1)  
[https://www.koreanfilm.or.kr/eng/news/boxOffice\\_Yearly.jsp?mode=BOXOFFICE\\_YEAR&selectDt=2020&category=ALL&country=K](https://www.koreanfilm.or.kr/eng/news/boxOffice_Yearly.jsp?mode=BOXOFFICE_YEAR&selectDt=2020&category=ALL&country=K).
- Kwon M. Y. (2020, July 16). Korea Ramps Up Efforts to Bring Back Looted Treasures, *The Korea Times*. [https://www.koreatimes.co.kr/www/culture/2020/07/135\\_292925.html](https://www.koreatimes.co.kr/www/culture/2020/07/135_292925.html)
- Kyodo News. <https://english.kyodonews.net/news/2019/07/372abc34d2fe-japan-funded-comfort-women-foundation-in-s-korea-formally-closed.html>
- Lee H. (2019). Comfort Women of the Empire and the Politics of Memory, *Seoul Journal of Japanese Studies* Vol.5, No.1, 81-110.
- Masa Lalu Kelam Warga Korea di Jepang Terangkum di Film Anarchist from Colony (2019, Februari 19), *IniKpop*. <https://inikpop.com/masa-lalu-kelam-warga-korea-di-jepang-terangkum-di-film-anarchist-colony/>
- Mawibanaloo. (2021, June 23). 5 Reasons Why "The Battleship Island" Is a Must Watch Film. [https://annyeongoppa.com/2021/06/23/5-reasons-why-the-battleship-island-is-a-must-watch-film/#google\\_vignette](https://annyeongoppa.com/2021/06/23/5-reasons-why-the-battleship-island-is-a-must-watch-film/#google_vignette)
- Mitsubishi Heavy Ordered to Compensate Forced S Korean War Workers, (2018, November 29), *BBC News*. <https://www.bbc.com/news/business-46381207>
- Mohd Daly Daud, Md. Rozalafri Johori & Nursyamimi Harun. (2017). Penerbitan Filem Patriotisme di Malaysia: Isu dan Cabaran, Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017).

- Nam E J & Park K. M (2016). Going to See “Spirits’ Homecoming” Becoming Much More than just a Trip to the Movies.  
[http://english.hani.co.kr/arti/english\\_edition/e\\_national/732760.html](http://english.hani.co.kr/arti/english_edition/e_national/732760.html)
- Nishimura N. & Kitano R. (2020 September 2), Koike under fire as memorial held for Koreans slain in Tokyo in 1923, *The Asahi Shimbun*.  
<https://www.asahi.com/ajw/articles/13690537>
- No ‘Comfort’ In Silence: A Review of Spirits Homecoming, (2018), *Bossy: The Australian National University's Intersectional Feminist Magazine*.  
<https://bossymag.com/2018/07/02/no-comfort-in-silence-a-review-of-spirits-homecoming/>
- Norirwani Mohd Redzuan. (2019). The Portrayal of Patriotism and The Element of Unity in American Film: A Case Study of Fury, *Journal of Media and Information Warfare*, Vol. 12 (2), 16-34.
- Paige S. (2017, June 30). ‘Anarchist from Colony’ Released with English Subtitles in Songdo, *The Korea Herald*.  
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20170630000826>
- Parasite (2019) <https://www.boxofficemojo.com/title/tt6751668/>
- Park S. S. & Kim D. H. (2016, March 3). A Movie Made to Heal Tortured Souls of 'Comfort Women', *The Korea Times*. [A movie made to heal tortured souls of 'comfort women' \(koreatimes.co.kr\)](http://www.koreatimes.co.kr)
- Pedihnya Penderitaan Jugun Ianfu Korea di Film Spirits’ Homecoming, (2020, January 6), *Inikpop*. <https://inikpop.com/pedihnya-penderitaan-jugun-ianfu-korea-di-film-spirits-homecoming/>
- Proceeds of WWII Sex Slaves Film Donated to Charities, (2016, July 17). *Hancinema: The Korean Movie and Drama Database*. <https://www.hancinema.net/proceeds-of-wwii-sex-slaves-film-donated-to-charities-96715.html>
- Raine0211, (2017, September 30). Tap into Korea’s Rich History: Reasons to Watch Lee Je Hoon’s “Anarchist From Colony”, *Soompi*.  
<https://www.soompi.com/article/1048835wpp/tap-koreas-rich-history-reasons-watch-lee-je-hoons-anarchist-colony>
- Rumy D. (a). (2017, June 18). What it was Like to be ‘the most Unruly Korean: Lee Je-hoon, *The Korea Herald*. <http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20170618000187>
- Rumy D. (b). (2017, June 26). Viewing History through an Anarchist’s Eyes: Director Lee Joon-Ik, *The Korea Herald*.  
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20170626000846>
- Rumy D.(c). (2017, 8 June). Battleship Island’ Sold to 113 Countries, *The Korea Herald*.  
<http://www.koreaherald.com/view.php?ud=20170608000512>
- Sasaki A. (2019, August 5). Japan-South Korea Relations – A Downward Spiral More than “Just” Historical Issues, *SWP Comment*. <https://www.swp-berlin.org/10.18449/2019C35/>
- Shim S. A. (2017, July 3). Anarchist from Colony' Nabs Top Spot over 'Transformers' on Opening Weekend, *Yonhap News Agency*.  
<https://en.yna.co.kr/view/AEN20170703002400315>
- Soeya Y. (2019, March 5). The Silent Majorities of Japan and South Korea Grow Tired of Official Squabbles, *East Asia Forum*. <https://www.eastasiaforum.org/2019/03/05/the-silent-majorities-of-japan-and-south-korea-grow-tired-of-official-squabbles/>
- Soh C. S., (2003). Japan's National/Asian Women's Fund for "Comfort Women, *Pacific Affairs*, 76(2), 209-233.
- South Korea and Japan's Feud Explained, (2019, December 2). *BBC News*.  
<https://www.bbc.com/news/world-asia-49330531>

- South Korea's Moon cancels Japan trip amid spat over insult, (2021, July 19) *Al-Jazeera*.  
<https://www.aljazeera.com/news/2021/7/19/south-koreas-moon-cancels-japan-trip-amid-spat-over-insult#:~:text=The%20announcement%20came%20on%20Monday,relations%20between%20the%20two%20countries.>
- Special Preview of "The Battleship Island" Held in Paris, (2017, July 31). *KBS World*.  
[http://world.kbs.co.kr/service/news\\_view.htm?lang=e&Seq\\_Code=129064](http://world.kbs.co.kr/service/news_view.htm?lang=e&Seq_Code=129064)
- Spirits' Homecoming (2016)  
[https://www.boxofficemojo.com/title/tt5503266/?ref\\_=bo\\_se\\_r\\_1](https://www.boxofficemojo.com/title/tt5503266/?ref_=bo_se_r_1)
- Survey Shows Only 17% in South Korea and 20% in Japan Like Each Other, (2021, May 26). *The Japan Times*. <https://www.japantimes.co.jp/news/2021/05/26/national/south-korea-japan-survey-2/>
- Tessa M. S. (2021, October 25), Un-remembering the Massacre: How Japan's "History Wars" are Challenging Research Integrity Domestically and Abroad, *Georgetown Journal of International Affairs*. <https://gjia.georgetown.edu/2021/10/25/un-remembering-the-massacre-how-japans-history-wars-are-challenging-research-integrity-domestically-and-abroad/>
- The Battleship Island (2017)  
[https://www.boxofficemojo.com/title/tt5969696/?ref\\_=bo\\_se\\_r\\_2](https://www.boxofficemojo.com/title/tt5969696/?ref_=bo_se_r_2)
- Tim S. (2019) In a Major Shift, South Korea Defies Its Alliance With Japan, *The Nation*.
- Togo K. (2017, November 22). Park Yuha and the Uncomfortable Realities of South Korean Democracy, *East Asia Forum*. <https://www.eastasiaforum.org/2017/11/22/park-yuha-and-the-uncomfortable-realities-of-south-korean-democracy/>
- Tokyo Governor Rapped for Failing to Send Eulogy to 1923 Korean Massacre Victims, (2017, September 1). *The Mainichi*.  
<https://mainichi.jp/english/articles/20170901/p2a/00m/0na/017000c>
- Tom L. (2019, July 23). Why Japan-South Korea history disputes keep resurfacing, *The Washington Post*. <https://www.washingtonpost.com/politics/2019/07/23/why-japan-south-korea-disputes-world-war-ii-keep-resurfacing/>
- Train to Busan, [https://www.boxofficemojo.com/title/tt5700672/?ref\\_=bo\\_se\\_r\\_1](https://www.boxofficemojo.com/title/tt5700672/?ref_=bo_se_r_1)
- Woo J. Y. (2021, April 21) 'Comfort women' lose lawsuit against Tokyo over wartime sexual slavery, *Yonhap News Agency*.  
<https://en.yna.co.kr/view/AEN20210421004251315>
- Yi J. (2021, March 3). Debating Korea's last taboo: 'comfort women', *Asia Times*.  
<https://asiatimes.com/2021/03/debating-koreas-last-taboo-comfort-women/>
- Yim S. H. (2019, July 14). Fiction Vs. History: 'The Battleship Island' twists a bitter history, *Korea Joongang Daily*.  
<https://koreajoongangdaily.joins.com/2019/07/14/etc/FICTIO-VS-HISTORY-The-Battleship-Island-twists-a-bitter-history/3065466.html>
- 端島の旧島民らが韓国映画「軍艦島」に反論声明文 「フィクションとことわれば許されるのか, 2017. *Sankei Shimbun*, 19 August. (Dari Bekas Penduduk Pulau Hashima kepada Filem Korea Selatan ( 「Gunkanjima」 Suara Penentangan 「Fiksyen Boleh Dibenarkan? 」 ) <https://www.sankei.com/article/20170819-M5AQ6ZE3CFLVLEKVTYXVH77RDY/>